Kenali 50 wajah

Mereka di antara individu yang dijangka mewarnai 2011

Oleh CHAIRUL FAHMY HUSSAINI
chairul@sph.com.sg
NUR ADILAH AHMAD MAHBOB
adilahm@sph.com.sg
dan ADLI YASHIR KUCHIT
adli@sph.com.sg

PANDANGAN

TAHUN 2010 yang hampir berakhir ini penuh dengan pelbagai peristiwa setempat, antaranya pertumbuhan ekonomi yang rancak.

Tahun 2011 pula, kita boleh menjangka pilihan raya umum diadakan, selain pilihan raya presiden.

Bagi masyarakat Melayu, yang turut menghadapi pelbagai cabaran dan persaingan, pastinya akan terus mendukung usaha untuk sama-sama menyumbang ke arah kemajuan nasional.

Antara isu yang sering diperkatakan adalah perlunya lebih ramai golongan muda Melayu tampil untuk membantu membuat perubahan.

Siapakah antara karyawan Melayu yang dijangka dapat terus meningkatkan sumbangan kepada masyarakat Melayu dan negara dalam pelbagai lapangan?

> Berita Harian telah mengenalpasti 50 invididu Melayu yang dirasakan mampu meningkatkan lagi geraf kemajuan masyarakat.
>
> Mereka terdiri daripada karyawan sektor awam dan swasta serta tokoh politik, asatizah, saintis, usahawan, olahragawan dan penggiat seni, yang dirasakan mampu mengharumkan nama bangsa dan negara pada tahun depan.

Dalam hal ini, *Berita Harian* telah mengenalpasti sebilangan invididu Melayu yang dirasakan mampu membantu meningkatkan lagi geraf kemajuan masyarakat.

Mereka terdiri daripada karyawan sektor awam dan swasta serta tokoh politik, asatizah, saintis, usahawan, olahragawan dan penggiat seni, yang dirasakan mampu mengharumkan nama bangsa dan negara pada tahun depan.

Hasil pemerhatian akhbar ini, serta perbualan dengan pelbagai sumber, kami menyenaraikan 50 karyawan yang antara mereka dijangka memainkan peranan atau membuat sumbangan lebih menyerlah.

Mungkin pula ada karyawan yang lebih muda ini berpotensi menyertai politik dan dikatakan telah menghadiri sesi teh parti pemerintah.

Namun, ingin dinyatakan bahawa ia setakat senarai saja kerana pastinya ada lebih ramai lagi individu berbakat yang tidak tersenarai.

Dalam bidang keagamaan misalnya, akhbar ini memsakan empat individu akan memainkan peranan sangat genting dalam memimpin dan mencorakkan 'wajah' masyarakat Muslim Singapura dalam menyesuaikan kehidupan beragama dengan dunia moden, di samping memantapkan institusi keluarga.

Senarai kami mengandungi individu seperti bakal Mufti baru, Ustaz Mohamed Fatris Bakaram; Presiden, Mahkamah Syariah, Ustaz Alfian Yasrif Kuchit; Presiden, Persatuan Pemudi Islam Singapura (PPIS), Cik Sapiah Molla; dan, Pengarah Urusan SimplyIslam, Encik Mohammed Nassir Abdul Sukkur.

Sementara itu, mungkin tidak ramai yang ketahui peranan Cik Sharifah Farah Mahmood Aljunied dalam usaha Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) mendekati belia.

Sebagai Timbalan Pengarah, Pembangunan Kurikulum dan Belia, Cik Sharifah Farah memainkan peranan di belakang tabir dalam membantu melakar pendekatan serta strategi yang relevan bagi pembelajaran agama dalam konteks masyarakat Singapura, melalui program-program Kids dan Teens aLive.

Dalam kepimpinan nasional, dua individu disebut-sebut sebagai calon untuk dipertandingkan dalam pilihan raya presiden yang harus diadakan pada atau sebelum Ogos ini.

Mereka adalah Speaker Parlimen, Encik Abdullah Tarmugi dan anggota Majlis Penasihat Presiden (CPA), Encik Po'ad Shaik Abu Bakar Mattar.

Tanggungjawab yang dipikul Menteri Negara (Ehwal dalam Negeri dan Pendidikan) Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad juga menerima pemerhatian akhbar ini.

Usaha beliau dalam 'mempromosikan' pendidikan prasekolah dan dalam menangani isu kenakalan remaja dan masalah samseng di peringkat nasional adalah amat kritikal.

Parti politik pembangkang juga dijangka turut mencipta sejarah. Pengurus Projek Serantau, Cedegim, Encik Syafarin Sarif, dijangka menjadi calon Melayu pertama dari parti pembangkang memasuki Parlimen.

Beralih pada bidang kesihatan pula, tiga karyawan — pakar jantung, Dr Abdul Razakjr Omar; Zamil Penyelidik Kanan, Dr Azlinda Anwar; dan pakar mata Dr Mohamad Rosman Othman – dijangka lebih 'sibuk' dengan tugas mereka sebagai pakar perubatan dan saintis.

Di arena media, Cik Zuraidah Ibrahim, yang baru-baru ini dilantik Timbalan Editor di akhbar Inggeris The Straits Times, disenarai kerana dijangka memikul tugas penting menyelia liputan pilihan raya umum dan pilihan raya presiden yang dijangka diadakan tahun depan.

Dalam memperkasa masyarakat, Encik Saktiandi Supaat, Encik Alwi Hafiz, Encik Shafie Shamsuddin, serta beberapa pemimpin badan Melayu/Islam, seperti Cik Moliah Hashim dan Encik Nizam Ismail dilihat sebagai antara peneraju utama.

Menyentuh isu perubahan iklim dan pemanasan global pula, Pengarah Kumpulan Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (MTI) Encik Rosman Ithnain; dan Zamil Penyelidik Madya di Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Cik Sofiah Jamil, dijangka terlibat lebih aktif dalam melakar sumbangan rakyat dan republik ini dalam menangani isu itu.

Di sebalik sekitaran iklim yang semakin tidak menentu digandingkan dengan bencana alam yang kian berluhasa di merata dunia, peranan badan bantuan kemanusiaan seperti Mercy Relief, diterajui Ketua Eksekutifnya, Encik Hasan Alamad, dan sumbangan Pasukan Pertahanan Awam (SCDF) di bawah pimpinan Kolonel Anwar Abdullah sebagai pengarah operasi, amat genting.

Bagi bidang seni dan kesusasteraan pula, pelakon Rafaat Hamzah, penyanyi Sezairi Sezali dan sasterawan Johar Buang mungkin menjadikan senario seni lebih gah dengan sentuhan estetik dan kreativiti mereka.

Di harap kesemua 50 individu ini dapat memainkan peranan lebih 'aktif' tahun depan.





Foto-foto: FAIL
Grafik: E-ONE

SENARAI 50 INDIVIDU MELAYU/ISLAM

1. Dr Abdul Razakjr Omar, 40 tahun
Pakar Jantung
Karyawan perubatan yang giat menggalak gaya hidup sihat di kalangan masyarakat Melayu/Islam tampil untuk berucap di Persidangan Parti Tindakan Rakyat (PAP) ke-31 pada November lalu.

2. Abdullah Tarmugi, 66 tahun
Speaker Parlimen
Bakal memikul tugas lebih besar sebagai Speaker Parlimen selepas Pilihan Raya Umum akan datang memandangkan adanya lebih ramai anggota dari parti-parti pembangkang di Parlimen. Encik Abdullah turut disebut-sebut sebagai calon bagi Pilihan Raya Presiden.

3. Ustaz Alfian Yasrif Kuchit, 32 tahun
Presiden Mahkamah Syariah
Difahamkan beliau merupakan Hakim syariah termuda di negara ini. Ustaz Alfian berkelulusan sarjana muda dalam bidang Syariah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan mempunyai ijazah sarjana Undang-Undang dari Universiti Columbia, Amerika Syarikat.

4. Alwi Hafiz, 48 tahun
Pengarah Urusan, Asean BSI Group Singapore Pte Ltd
Menaja Biasiswa Mendaki-Maktab Rendah Temasek bernilai $10,000, Encik Alwi juga giat dalam kerja kemasyarakatan dan kini menjadi anggota lembaga pengarah Mendaki.

5. Anwar Abdullah, 45 tahun
Pengarah Operasi, Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF)
Kolonel Anwar terlibat dalam operasi penting dalam dan luar negara termasuk bagi misi menyelamat di negara-negara yang ditimpa bencana alam. Beliau merupakan antara pegawai Melayu tertinggi di SCDF.

6. Aqilah Sudhir, 19 tahun
Ahli Pasukan Penembak Negara
Memenang pingat emas dan gangsa di Sukan Komanwel 2010 di New Delhi, India. Bekas pelajar Sekolah Sukan Singapura ini juga diharap dapat mengharumkan negara Singapura dalam bidang sukan.

7. Dr Azlinda Anwar, 42 tahun
Zamil Penyelidik Kanan Duke-Universiti Nasional Singapura (NUS)
Antara segelintir saintis Melayu di Singapura, mengkaji tentang vaksin DNA (deoxyribonucleic acid) untuk pencegahan virus untuk penyakit seperti denggi, dan antara aktiviis dipilih berucap di konvensyen PAP November 2009, dan merupakan anggota Jawatankuasa Semakan Penapisan (CRC) bagi 2009/2010.

8. Fadzuli Wahab, 27 tahun
Usahatekwan, Perintis IslamicEvents.sg
Seorang yang aktif dalam landskap media baru yang semakin dimanfaatkan masyarakat Islam Singapura. Antara segelintir usahawan muda yang berjaya. IslamicEvents.sg merupakan gerbang Internet yang menyiarkan acara-acara dan kegiatan berkait agama Islam.

9. Hairani Hassan-Joshi, 32 tahun
Kurator di Muzium Negara
Dipercayai satu-satunya kurator Melayu di negara ini. Kepakaran beliau adalah dalam urusan pameran-pameran antarabangsa dan kembara.

10. Hariss Harun, 19 tahun
Pemain bolasepak
Kapten pasukan Singa Muda ini telah ditabal Pemain Muda Terbaik Liga-S 2010 dan telah dipilih berlatih di Shanghai untuk mengikuti ujian dengan kelab Shanghai Shenghua dari Liga Super China selama 10 hari. Hariss merupakan antara pemain harapan muda Singapura.

11. Ustaz Hasbi Hassan, 50 tahun
Presiden Persatuan Ulama dan Guru-guru Agama Islam Singapura (Pergas)
Dengan meningkatnya kesedaran agama di kalangan masyarakat Melayu/Islam dan bertambahnya jumlah karyawan Muslim dan asatizah di sini, Pergas memainkan peranan penting dalam sama-sama mencorakkan wajah masyarakat Islam yang progresif di sini.

12. Hassan Ahmad, 39 tahun
Ketua Eksekutif, Mercy Relief
Telah membantu menjadikan Mercy Relief sebagai sebuah badan kemanusiaan yang dihormati di peringkat antarabangsa. Mercy Relief juga giat dalam usaha pembangunan masyarakat miskin dan yang memerlukan bantuan.

13. Dr Intan Azura Mokhtar, 33 tahun
Pembantu Profesor di Jabatan Pengajian Dasar dan Kepimpinan (PLS) Institut Pendidikan Nasional (NIE).
Terlibat dalam melakar dasar-dasar teknologi infokomu (ICT) dalam pembelajaran, dan juga anggota Majlis Ugama Islam Singapura (Muis). Dr Intan juga giat menganjurkan program-program celik IT di peringkat sekolah menengah.

14a. Irfan Fandi, 13 tahun dan
14b. Ikhsan Fandi, 11 tahun
Pemain Bola Sepak
Walau usia mereka masih 'setahun jagung', Irfan dan Ikhsan dijangka menggegarkan dunia bolasepak di peringkat antarabangsa. Bapa mereka, Fandi Ahmad, mendedahkan pihaknya telah menerima pelbagai tawaran untuk kededua anaknya mencipta nama di kelab-kelab gergasi di Eropah.

15. Johar Buang, 52 tahun
Sasterawan
Menerima dua anugerah sastera tahun ini – Anugerah Penulis Asia Tenggara di peringkat serantau, dan Anugerah Hadiah Sastera Singapura (SLP) 2010. Beliau mempunyai rancangan menerbitkan semula bukunya dalam Bahasa Inggeris.

16. Junaidah Tarjo, 52 tahun
Usahawan
Pemilik firma Mitra Pte Ltd dan Universal Navigation Group ini adalah Bendahari Kehormat Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) dan pengerusi cabang usahawan wanita di bawah dewan, Dewi@SMCCI. Baru-baru ini, beliau dikatakan telah menguruskan penjualan hartanah bernilai $9 juta di Orchard Road.

17. Mardan Mamat, 43 tahun
Pemain Golf
Ahli sukan Singapura kedua selepas Fandi Ahmad meraih $1 juta secara profesional. November lalu pemain golf number satu Singapura itu membawa pulang hadiah $308,750 selepas muncul dalam tangga kelima Kejohanan Klasik Asia Pasifik CIMB di Kuala Lumpur.

18. Masagos Zulkifli BMM, 47 tahun
Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri merangkap Pendidikan)
Baru menerima kenaikan pangkat baru-baru ini dan bertanggung jawab atas dua kementerian yang 'agak berat'. Tugas yang dipikul Encik Masagos Zulkifli bukan sahaja tertumpu pada usaha-usaha meningkatkan penyertaan anak-anak dalam pendidikan prasekolah tetapi juga memastikan golongan remaja tidak terdorong menyertai kumpulan samseng dan kenakalan di peringkat nasional.

19. Ustaz Ali Haji Mohd, 63 tahun
Pengerusi Masjid Khadijah dan Pengerusi Bersama Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG)
Kepakaran Ustaz Ali dalam isu antipenggangasan dan pemulihan pengganas memang terserlah dan dijangka memikul tanggungjawab lebih besar tahun depan. Beliau juga giat menganjurkan kegiatan antara agama.

20. Mohamad Nazir Sani, 36 tahun
Pegawai Teknikal, Senoko Power Ltd
Aktif dalam usaha menarik penyertaan karyawan muda dalam gerakan kesatuan sekerja. Nazir juga merupakan wakil NTUC dalam jawatankuasa ekskekutif sayap muda Parti Tindakan Rakyat (PAP).

21. Dr Mohamad Rosman Othman, 37 tahun
Pakar mata di Pusat Mata Kebangsaan Singapura
Baru-baru ini membentangkan hasil Kajian Mata Melayu Singapura mengenai kesihatan mata. Beliau dijangka memainkan peranan besar dalam menggalak kesihatan mata di kalangan masyarakat Melayu.

22. Ustaz Mohamed Fatris Bakaram, 40 tahun
Timbalan Mufti
Bakal menggantikan Syed Isa Semait sebagai Mufti Negara bermula 1 Januari 2011. Antara tugas utamanya adalah dalam mengenal pasti cabaran-cabaran yang harus ditempuhi masyarakat Islam Singapura bagi membolehkan mereka menyesuaikan kehidupan beragama dengan dunia moden.

23. Mohammed Nassir Abdul Sukkur, 40 tahun
Pengarah Urusan, SimplyIslam
SimplyIslam merupakan wadah yang menawarkan pelbagai kursus dan program keagamaan yang diusahakannya, dan pernah disenarakan sebagai salah seorang daripada 500 Muslim paling berpengaruh di dunia sebanyak dua kali berturut-turut bagi 2009 dan 2010.

24. Moliah Hashim, 52 tahun
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Yayasan Mendaki
Dijangka kekal memainkan peranan yang penting sedang Mendaki mungkin bakal mengemukakan inisiatif-insiatif baru, menyusuli Latihan Merancang Ke Hadapan (FPE) anjuran Forum Pemimpin Masyarakat (CLF) baru-baru ini.

25. Mohd Alami Musa, 54 tahun
Presiden, Majlis Ugama Islam Singapura (Muis)
Peneraju utama dalam membawa masyarakat Muslim Singapura ke arah pemahaman serta amalan agama Islam yang lebih luas dan mendalam, di samping meningkatkan kesejahteraan negara

26. Muhd Nazri Muhd, 35 tahun
Pengarah Urusan, Kumpulan Syarikat Vector Scorecard Asia Pacific
Syarikat mendapat pengiktirafan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan Malaysia kerana usahanya membangunkan keupayaan syarikat kecil dan sederhana (SME) di rantau ini. Baru-baru ini, Vector menjadi firma Singapura pertama dilantik Institut Sekuriti Hongkong (HKSI) bagi membantu mengukuhkan industri kewangan negara itu.

27. Nizam Ismail, 43 tahun
Pengarah Eksekutif Morgan Stanley
Beliau juga Pengerusi Anggota Karyawan Islam (AMP) dan dijangka memainkan peranan penting tahun depan bila AMP mengadakan satu persidangan besar-besaran.

28. Noorlinah Mohd, 42 tahun
Penggiat Teater
Cik Noorlinah adalah antara pengasas penubuhan badan kesenian, Arts Without Limits. Beliau penerima Melayu pertama biasiswa seni tertinggi Biasiswa Seni Shell-Majlis Seni Kebangsaan (NAC)untuk melanjutkan pelajaran di Sekolah Kesenian Tisch di Universiti New York, Amerika Syarikat.

29. Pasangan adik-beradik Nuradee 41 tahun dan 39 tahun
Usahawan
Firma milik Mohamed Noor Abdullah 'Nur' (29a) dan Mohamed Rashid 'Adee' (29b) telah diktiraf sebagai 100 Usahawan Berjaya 2009 oleh majalah Singapore Today. Baru-baru ini, mereka membuka restoran ayam goreng Chicken Champ, di Bussorah Street dan merancang membuka empat lagi francais tahun depan.

30. Nurul Shafinas Abdul Rahman,18 tahun
Ahli taekwondo
Nurul Shafinas memenangi pingat gangsa di temasya Sukan Olimpik Belia (YOG) 2010. Beliau turut menerima Anugerah Emas Mendaki bagi Kecemerlangan (Bukan Akademik)

31. Po'ad Shaik Abu Bakar Mattarm, 62 tahun
Pengerusi Lembaga Pengamanah Yayasan Rahmatan Lil Alamin (RLAF)
Penerima Anugerah Jasa Cemerlang Muis ini juga anggota Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (PSC) dan anggota Majlis Penasihat Presiden (CPA). Namanya disebut-sebut kemungkinan antara calon presiden untuk Pilihan Raya Presiden akan datang.

32. Rahayu Mahzam 29 tahun
Peguam
Giat dalam kerja-kerja kemasyarakatan dan adalah anggota Jawatankuasa Semakan Penapisan bagi 2009/2010. Cik Rahayu, yang juga Pengerusi Bahas 4PM, giat menganjurkan program-program kebahasaan.

33. Rafaat Hamzah, 44 tahun
Pengarah, Cokelat Events and Productions
Bukan sekadar aktif dalam bidang lakonan tetapi gigih dalam merancakkan pengembangan pelbagai seni Melayu di sini.

34. Ridwan Abbas, 30 tahun
Wartawan, majalah Middle East Insurance Review
Wartawan kewangan ini sering membuat liputan tentang sektor takaful sedunia. Juga giat dalam kerja-kerja masyarakat bersama Lembaga Pengurusan yAMP.

35. Rossman Ithnain 46 tahun
Pengarah, Kumpulan Perdagangan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (MTI)
Beliau antara pegawai pemerintah yang terlibat dalam dasar-dasar perdagangan, Pertubuhan Dagangan Dunia (WTO) serta Perjanjian Dagangan Bebas (FTA). Antara bidang tugasnya termasuk perundangan perubahan iklim - isu hangat lewat ini.

36. Saktiandi Supaat, 39 tahun
Pakar Ekonomi Perbendaharaan Kanan, UOB
Sebagai Pengerusi sayap muda Angkatan Karyawan Islam (yAMP) beliau memimpin Kumpulan Kerja Pekerjaan di bawah Latihan Merancang ke Hadapan (FPE) 2010 naungan Forum Pemimpin Masyarakat (CLF).

37. Saleemah Ismail 41 tahun
Presiden terdahulu, Unifem Singapura
Dikenali sebagai individu gigih memperjuangkan hak wanita dan melindungi gadis teraniaya. Beliau memperjuangkan isu-isu termasuk membanteras kegiatan seks haram.

38. Sapiah Mollah, 52 tahun
Presiden, Persatuan Pemudi Islam Singapura (PPIS)
Beliau menerajui sebuah badan yang berperanan penting dalam membawa perubahan kepada wanita Melayu/Islam di sini.

39. Sezairi Sezali 23 tahun
Penyanyi
Juara pertandingan Idola Singapura, Sezairi dijangka akan lebih giat menempa nama di industri muzik di peringkat nasional.

40. Shafie Shamsuddin, 39 tahun
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Carrefour Indonesia
Ketua bukan warga Perancis pertama di syarikat berbilang negara (MNC) itu. Pemenang Anugerah Jauhari 2010 ini telah merubah Carrefour dari sebuah syarikat bermasalah kepada sebuah rangkaian pasar raya yang berjaya dengan puluhan cawangan dan sekitar 11,000 tenaga kerja di seluruh Indonesia.

41. Sharifah Farah S M Aljunied, 36 tahun
Timbalan Pengarah, Pembangunan Kurikulum dan Belia, Muis
Memainkan peranan penting dalam melakar dan merombak sistem ajaran agama bagi kanak-kanak dan belia Muslim, melalui program-program Kids dan Teens aLive.

42. Shirlene Noordin, 40 tahun
Pengarah, Phish Communications
Terlibat dalam menganjurkan beberapa acara seni berprestij di Singapura, termasuk acara Pesta Perancis Singapura 2010 dan pameran fotografi Formula Satu (F1) 2009.
Beliau merupakan antara nama-nama yang melakar pelan bagi Singapura menjadi sebuah hab budaya dan seni di Asia, selaku anggota Jawatankuasa Strategi Ekonomi (ESC).

43. Soffy Hariyanti Abdul Rahim, 35 tahun
Pengarah Jabatan Perhubungan Korporat, Kementerian Pengangkutan (MOT)/Setiausaha Akhbar kepada Menteri Pengangkutan
Menjayakan pendekatan menyeluruh pemerintah berhubung isu-isu pengangkutan. Beliau memainkan peranan penting dalam menghubungkan dasar-dasar pemerintah mengenai pengangkutan - antaranya kenaikan harga dan isu kesesakan - kepada pihak awam.

44. Sofiah Suaad Mohamed Jamil, 26 tahun
Zamil Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU)
Merupakan antara kumpulan perintis Institut Persekitaran Amerika Syarikat (USIE), sebuah program di bawah naungan Biro Ehwal Pendidikan dan Budaya, Jabatan Negara Amerika. Mempunyai kepakaran dalam isu persekitaran, termasuk perubahan iklim.

45. Sulaimah Mahmood, 53 tahun tahun
Pengarah unit Asean, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan (MTI).
Beliau dijangka terus berperanan penting dalam konteks perdagangan serta ekonomi di rantau Asia. Sedang ekonomi negara-negara Asean membangun, peranan Sulaimah dalam menyalinkan hubungan yang baik antara Singapura dan negara-negara Asean lain kian penting.

46. Syafarin Sarif, 34 tahun
Pengurus Projek Serantau, Cedegim Setiausaha, Biro Melayu, Parti Perpaduan Nasional (NSP)
Besar kemungkinan akan menjadi calon Melayu bagi parti pembangkang dalam Pilihan Raya Umum akan datang.

47. Zaqy Mohamad, 36 tahun
Pengarah Jualan, Datacraft
Anggota Parlimen, GRC Hong Kah
Merupakan antara muka baru muda semasa Pilihan Raya Umum 2006. Dilantik Pengerusi Jawatankuasa Parlimen Pemerintah (GPC) bagi Kementerian Penerangan, Perhubungan dan Kesenian (MICA) dan memainkan peranan penting dalam membantu pemerintah menelusuri landskap media baru.

48. Zizi Azah Majid, 30 tahun
Sutradara dan Penulis Skrip
Nama penggiat teater ini kian mekar dalam bidang teater setempat. Beliau merupakan pengarah artistik Teater Ekamatra, dan dikenali sebagai antara sutradara dan penulis skrip teater muda berbakat.

49. Zuraidah Abdullah, 48 tahun
Pengerusi, Yayasan Taman Warisan Melayu
Dinamakan sebagai pengerusi baru Yayasan Taman Warisan Melayu, menggantikan Zainal Abidin Rasheed. Beliau akan memberi nafas baru kepada TWM yang akan dibuka semula pada 2012.

50. Zuraidah Ibrahim, 45 tahun
Timbalan Editor, The Straits Times
Berperanan mengemudi dunia kewartawanan tanahair dan serantau bagi akhbar bahasa Inggeris yang paling berpengaruh di sini. Antara cabaran besarnya pada tahun depan adalah dalam menyelia laporan-laporan bernas dan tepat menyentuh Pilihan Raya Presiden dan Pilihan Raya Umum yang akan datang.